

19 FEB 2003

NAM-Palestin/I

ARAFAT TIDAK HADIR SIDANG NAM KERANA TIADA JAMINAN BALIK

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Presiden Palestin Yasser Arafat tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 kerana Israel dan Amerika Syarikat tidak dapat menjamin kepulangannya ke Palestin, kata Duta Besar Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra hari ini.

"Kerajaan Israel tidak akan membenarkan Arafat datang ke sini. Tiada siapa boleh (memberi jaminan), kecuali Amerika Syarikat," katanya.

Al-Farra berkata Arafat begitu berhasrat menyertai sidang kemuncak, yang bermula esok, tetapi rancangannya untuk datang ke Kuala Lumpur terjejas apabila tidak ada jaminan beliau dapat balik dengan selamat ke Palestin.

"Kita merayu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bakal pengerusi NAM agar dapat berusaha menghubungi pentadbiran (George W.) Bush bagi mendapatkan pengesahan (keselamatan Arafat untuk datang dan balik dengan selamat)," katanya kepada pemberita di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Al-Farra berkata Dr Mahathir telah menghubungi Jabatan Negara AS mendesak mereka membenarkan Arafat menghadiri sidang kemuncak NAM dan balik dengan selamat tetapi sehingga kini belum ada jawapan dari Washington.

"Tiada maklumat mengenai isu itu sehingga kini walaupun Dr Mahathir telah berusaha sedaya upaya," katanya.

Al-Farra berkata beliau telah menelefon Arafat awal hari ini dan presiden itu menyatakan kekesalannya kerana tidak dapat menghadiri mesyuarat itu.

Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi dijadual mengetuai delegasi negara itu dan beliau dijangka menghadiri mesyuarat peringkat menteri NAM Sabtu ini.

-- BERNAMA

MHI LES MFJ JK MOZ